



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**11 OKTOBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 532 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 206,048 kes. Sebanyak enam (6) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Putatan dan Tenom manakala Kota Kinabalu dan Keningau masing-masing mencatatkan satu (1) kes kematian. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,623 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 193,445 orang. Manakala 2,402 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 982 orang di hospital, 1,411 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, lima (5) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala empat (4) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 134 orang merangkumi 112 di ICU/repurposed kritikal care serta 22 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 42 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 195 (54.62%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Merah 26 daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah mengekalkan trend penurunan di bawah paras (600) kes. Kes yang direkodkan pada hari ini ialah sebanyak (532) kes, kurang (-30) kes berbanding semalam.
- b. Tidak ada daerah yang mencatatkan angka jangkitan baharu melebihi tiga (3) angka, malahan, hanya daerah Ranau dan Tambunan yang mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka.
- c. Beberapa daerah lain menunjukkan penurunan kes yang agak signifikan iaitu Pitas (-25) kes, Beluran (-19) kes, Beaufort (-14) kes, Papar (-12) kes dan Lahad Datu (-12) kes.
- d. Sejumlah 33.27% daripada jumlah jangkitan pada hari ini adalah melalui Saringan Bergejala, satu petunjuk bahawa kes-kes sporadik penentu besar kepada turunkannya jumlah kes harian di Sabah.
- e. Jumlah kes secara kumulatif pada hari ini ialah (532) kes, namun kalau kita tolak kes-kes yang lewat didaftar dua hari atau lebih, jumlah sebenar kes yang berlaku dalam tempoh 24 jam lepas hanyalah (270) kes atau 50.75%.
- f. Daripada jumlah kes jangkitan baru yang direkodkan hari ini, 20.86% adalah daripada Kategori 1 dan 75.56% adalah daripada Kategori 2. Kategori 1 dan Kategori 2 lazimnya hanya memerlukan rawatan pemantauan di rumah atau bila perlu di PKRC.
- g. Terdapat (11) kes yang memerlukan rawatan dan penjagaan di hospital, empat (4) kes dalam Kategori 3, lima (5) kes dalam Kategori 4 dan dua (2) kes dalam Kategori 5. Lapan (8) kes lagi masih dalam penilaian dan siasatan lanjut.

h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (291) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	177	33.27%
3	Kontak	291	54.70%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	64	12.03%
<b>JUMLAH</b>		<b>532</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (10 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 10/10/2021</b>	<b>Catatan Kes 11/10/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Ranau	41	55	+14
2	Tambunan	0	12	+12
3	Kota Belud	44	53	+9
4	Tenom	26	34	+8
5	Tawau	15	21	+6
6	Kota Kinabalu	69	74	+5
7	Putatan	18	22	+4
8	Telupid	11	15	+4
9	Nabawan	3	7	+4
10	Kuala Penyu	0	4	+4
11	Penampang	32	34	+2
12	Sandakan	26	28	+2
13	Kudat	16	18	+2
14	Sipitang	6	6	Mendatar
15	Pitas	30	5	-25
16	Beluran	25	6	-19
17	Beaufort	20	6	-14
18	Papar	32	20	-12
19	Lahad Datu	31	19	-12
20	Tongod	9	3	-6
21	Kinabatangan	7	2	-5
22	Kota Marudu	21	18	-3
23	Semporna	8	5	-3
24	Keningau	40	38	-2
25	Kunak	5	3	-2
26	Kalabakan	2	0	-2
27	Tuaran	25	24	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>562</b>	<b>532</b>	<b>-30</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (27 September – 10 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	44	20	0	10	74	1,239
Ranau	0	43	10	0	2	55	843
Kota Belud	0	24	21	0	8	53	753
Keningau	0	27	10	0	1	38	756
Penampang	0	23	11	0	0	34	408
Tenom	0	17	15	0	2	34	508
Sandakan	0	17	4	0	7	28	597
Tuaran	0	12	11	0	1	24	561
Putatan	0	11	11	0	0	22	244
Tawau	0	11	6	0	4	21	408
Papar	0	8	11	0	1	20	436
Lahad Datu	0	4	9	0	6	19	705
Kota Marudu	0	3	12	0	3	18	685
Kudat	0	14	3	0	1	18	334
Telupid	0	6	2	0	7	15	153
Tambunan	0	8	4	0	0	12	171
Nabawan	0	3	2	0	2	7	220
Beluran	0	2	2	0	2	6	202
Beaufort	0	2	2	0	2	6	243
Sipitang	0	1	5	0	0	6	197
Pitas	0	2	2	0	1	5	344
Semporna	0	0	1	0	4	5	137
Kuala Penyu	0	4	0	0	0	4	66
Tongod	0	2	1	0	0	3	129
Kunak	0	2	1	0	0	3	132
Kinabatangan	0	1	1	0	0	2	284
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	35
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>291</b>	<b>177</b>	<b>0</b>	<b>64</b>	<b>532</b>	<b>10,790</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tiada Catatan Kluster		

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,525 unit

- Hospital 1,945 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,110 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 36.81%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 11 OKTOBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	521
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	2
Orang Dalam Tahanan /Banduan	8
<b>Jumlah</b>	<b>532</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	2
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
New Zealand	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	516
Bukan Malaysia	16
<b>Jumlah</b>	<b>532</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	85
Belum Menerima Vaksin	113
Menerima 1 Dos	31
Lengkap 2 Dos	303
<b>Jumlah</b>	<b>532</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	8
1 to 5	36
6 to 11	41
12 to 17	31
18 to 25	78
26 to 59	274
>60	64
<b>Jumlah</b>	<b>532</b>



### C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 11 Oktober 2021)
1	Ranau	1
2	Tambunan	1
<b>JUMLAH</b>		<b>2</b>

### D KEBENARAN KEPADA KANAK-KANAK DAN REMAJA MEMASUKI PREMIS PERNIAGAAN DAN PEMBUKAAN AKTIVITI TAMU/PASAR TANI/PASAR MALAM/PASAR MINGGUAN DENGAN SYARAT PEMATUHAN ARAHAN VAKSINASI BERKUATKUASA PADA 12 OKTOBER 2021

- 1 Kanak-Kanak di bawah 12 tahun dibenarkan *dine-in* di restoran, masuk ke premis perniagaan termasuk *mall*, perhotelan (termasuk fasiliti seperti kolam renang), aktiviti perkelahan dan perkhemahan sekiranya ditemani oleh ibubapa yang telah lengkap divaksin.
- 2 Remaja berumur 12 hingga 18 tahun yang sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin dibenarkan *dine-in* di restoran, masuk ke premis perniagaan termasuk *mall*, perhotelan (termasuk fasiliti seperti kolam renang), aktiviti perkelahan dan perkhemahan.
- 3 Pasar Tamu / Pasar Tani / Pasar Minggu / Pasar Malam dibenarkan di daerah-daerah yang telah mencapai peratusan vaksinasi lengkap sekurang-kurangnya 60% penduduk dewasa, tertakluk kepada penilaian risiko dan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan. Penjaja / Operator termasuk pengunjung hendaklah telah lengkap divaksin.

## **E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 10 Oktober 2021 adalah seramai 48,935 orang. Daripada jumlah ini, seramai 18,748 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 30,187 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 10 Oktober 2021 adalah seramai 2,375,174 orang. Ini meliputi 2,076,455 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 75.3% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,018,854 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,927,171 orang atau 69.9% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 298,719 orang atau 70.1% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 91,683 atau 22.0% orang setakat ini.

## **F BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **646,921** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 32 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 18,213 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 17 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 66 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 47 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Sembilan (9) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - 20 Orang : Aktiviti Pusat Hiburan
  - Empat (4) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
  - 14 Orang : Individu Gagal Mematuhi Penjarakan Fizikal

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 148 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 34 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,135 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
  - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 280 premis perniagaan dan 375 individu di 18 kawasan. Tiga (3) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di BJ's By Junie Bakes, Lintas Plaza (1 Orang) dan Ideal Haor Bar, Lintas Plaza (1 Orang). Kesalahan masuk premis tanpa melengkapkan dua dos vaksin di Restoran DLengkuas, Grace Square (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 245 Premis Perniagaan melibatkan 165 anggota APM. Sejumlah dua (2) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 119 anggota di 162 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 15 premis, melibatkan lapan (8) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 142 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 38 hebahan di seluruh Sabah.

## H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **97.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	98%
2	Kunak	98%
3	Beluran	98%
4	Beaufort	97.5%
5	Papar	97.5%
6	Semporna	97.5%
7	Kota Belud	97.5%
8	Kota Kinabalu	97.5%
9	Penampang	97.5%
10	Keningau	97%
11	Tawau	97%
12	Ranau	97%
13	Kota Marudu	97%
14	Tenom	97%
15	Lahad Datu	97%
16	Sandakan	97%
17	Kinabatangan	97%
18	Tuaran	97%
19	Kudat	97%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**